

**Hargai Keselamatan Negara Bermula Dari Rumah – Shahrizat
Bernama
7 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Semangat cintakan keamanan seharusnya bermula dari rumah dengan kaum ibu memupuk dan mendidik anak-anak agar sentiasa menghargai keselamatan dan menghormati peranan pasukan keselamatan negara.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata untuk mencapai matlamat itu, ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak tentang pentingnya tidak melakukan jenayah atau perkara-perkara yang menyalahi undang-undang.

"Kalau ahli-ahli keluarga tahu betapa pentingnya keselamatan negara, maka ia dapat meringankan bebanan pasukan keselamatan, di samping dapat mengurangkan kadar jenayah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Jalinan Ramadan 2012 bersama dengan 1,200 wakil pasukan-pasukan keselamatan dan balu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pada Selasa.

Shahrizat berkata walaupun kebanyakan rakyat Malaysia tidak merasai kehadiran secara langsung pasukan keselamatan, mereka perlu didedahkan mengenai peri pentingnya peranan pasukan keselamatan menjaga keamanan negara daripada ancaman pihak musuh.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686170>